

**TATACARA  
PILIHAN RAYA KAMPUS  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
SESI 2025/2026**

# **PERATURAN PILIHAN RAYA KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU 2024**

## **TATACARA PILIHAN RAYA KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU SESI 2025/2026**

---

SUSUNAN TATACARA-TATACARA

---

### **BAHAGIAN I PERMULAAN**

Tatacara

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

### **BAHAGIAN II NOTIS PILIHAN RAYA KAMPUS**

2. Notis Pilihan Raya Kampus
3. Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
4. Pendaftaran Gerakan Mahasiswa

### **BAHAGIAN III TATACARA PENAMAAN CALON**

5. Syarat-syarat Calon
6. Penjualan Borang Perakuan Penamaan Calon
7. Borang Penamaan Calon
8. Panduan Mengenai Cara Mengisi Borang 01 — Borang Perakuan Penamaan Calon dan Borang 02 — Borang Penamaan Calon
9. Penarikan Diri
10. Pameran Borang Penamaan Calon
11. Bantahan Terhadap Penamaan Calon
12. Keputusan Terhadap Bantahan Penamaan Calon
13. Rayuan Terhadap Bantahan Keputusan Bantahan Penamaan Calon
14. Keputusan Terhadap Rayuan

**BAHAGIAN IV**  
**KERUSI TANPA BERTANDING DAN KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN**

- 15. Kerusi tanpa bertanding
- 16. Kerusi yang dipertanding

**BAHAGIAN V**  
**TATACARA BERKEMPEN**

- 17. Taklimat Tatacara Berkempen
- 18. Kempen Secara Berhemah
- 19. Poster dan Bahan Berkempen
- 20. Tempoh Berkempen
- 21. Kaedah Berkempen

**BAHAGIAN VI**  
**HARI PENGUNDIAN**

- 22. Kaedah Pengundian

**BAHAGIAN VII**  
**PENJUMLAHAN UNDIAN**

- 23. Keputusan Pengundian

**BAHAGIAN VIII**  
**AM**

- 24. Borang
- 25. Tindakan Tatatertib

## **PERATURAN PILIHAN RAYA KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU 2024**

### **TATACARA PILIHAN RAYA KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU SESI 2025/2026**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Peraturan 7(6)(3) Peraturan Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Terengganu 2024, Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Terengganu membuat tatacara-tatacara yang berikut:

## **BAHAGIAN I**

### **PERMULAAN**

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Tatacara-tatacara ini bolehlah dinamakan **Tatacara Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Terengganu Sesi 2025/2026**.
- (2) Tatacara-tatacara ini mula berkuatkuasa pada 6 Oktober 2025.

## BAHAGIAN II

### NOTIS PILIHAN RAYA KAMPUS

#### Notis Pilihan Raya Kampus

2. (1) Jawatankuasa Pelaksana Pilihanraya Kampus hendaklah menyiarkan Notis Pilihan Raya Kampus yang mengandungi butiran berikut:
- (a) Tarikh dan masa penjualan **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon**
  - (b) Tarikh dan masa penamaan calon;
  - (c) Tarikh dan masa mengundi;
  - (d) Tempoh bantahan dan rayuan; dan
  - (e) Apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan pemilihan MPP UMT sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.
- (2) Notis Pilihan Raya Kampus hendaklah diperaku oleh Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus dan hendaklah dipamerkan di papan notis rasmi Universiti, media sosial rasmi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus, saluran- saluran media sosial yang berkaitan atau tempat lain yang mudah dilihat sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.
- (3) Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pilihan Raya Kampus) 2024 dan Tatacara Pilihan Raya Kampus Sesi 2025/2026 akan diberikan kepada bakal calon sebelum penjualan borang penamaan calon pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

#### Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

3. Lembaga Pengarah Universiti atau wakilnya boleh mengeluarkan notis pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang sedia ada.

#### Pendaftaran Gerakan Mahasiswa

4. Mana-mana Gerakan Mahasiswa yang mencalonkan wakil bagi Gerakan Mahasiswa itu untuk bertanding dalam pilihan raya kampus hendaklah mendaftar Gerakan Mahasiswa itu dengan mengisi dan melengkapkan **Borang 15 - Borang Pendaftaran Gerakan Mahasiswa**.

## BAHAGIAN III

### TATACARA PENAMAAN CALON

#### Syarat-syarat Calon

5. (1) Calon yang ingin bertanding dalam pilihan raya kampus hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) Tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah di mana-mana mahkamah di Malaysia;
- (b) Tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2024;
- (c) Tidak mempunyai apa-apa hutang kewangan tertunggak yang belum diselesaikan dengan pihak Universiti;
- (d) Tidak memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) di bawah 2.80 pada semester semasa. Jika kurang calon perlu menyertakan surat sokongan daripada Dekan fakulti atau ketua program; dan
- (e) Sekiranya calon disahkan mempunyai masalah kesihatan fizikal dan/atau mental yang boleh memudaratkan prestasi dan persekitaran kerja oleh mana-mana Pusat Kesihatan, calon perlu menyertakan surat sokongan daripada Dekan fakulti atau ketua program.

(2) Calon diwajibkan mengikuti Bengkel Pemantapan Organisasi Calon Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus. Sekiranya calon tidak dapat hadir, calon hendaklah memberikan alasan dan justifikasi kukuh berkenaan ketidakhadirannya melalui surat rasmi kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus. Calon boleh menggantikan kehadirannya kepada pencadang calon atau penyokong pencadangan calon tertakluk kepada kebenaran Pengerusi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.

(3) Calon tidak dibenarkan untuk menjadi pencadang calon atau penyokong pencadangan calon kepada calon yang lain.

(4) Calon hendaklah mengisi **Borang 02 - Borang Penamaan Calon** dengan lengkap.

(5) Nama calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon hendaklah tersenarai dalam daftar pelajar Universiti Malaysia Terengganu.

## **Penjualan borang perakuan penamaan calon**

6. (1) Pelajar berdaftar yang berhasrat untuk bertanding hendaklah membeli borang perakuan penamaan calon melalui kaunter pembelian borang di Pejabat Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus dan melengkapkan **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon** pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus. Bayaran sebanyak RM 20.00 akan dikenakan sebagai komitmen dan yuran pemprosesan Pilihan Raya Kampus. Bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan. Proses pembayaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui pindahan elektronik (Billplz) kepada Pejabat Bendahari.

(2) Calon perlu membuat pilihan sama ada ingin bertanding bagi kerusi umum atau kerusi fakulti. Sebarang pertukaran kerusi selepas calon membeli dan melengkapkan **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon**, hanya dibenarkan melalui pembelian **Borang 07 - Borang Penukaran Kerusi Calon**. Bayaran sebanyak RM 20.00 akan dikenakan sebagai komitmen dan yuran pemprosesan Pilihan Raya Kampus. Bayaran yang dibuat tidak akan dikembalikan. Proses pembayaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui pindahan elektronik (Billplz) kepada Pejabat Bendahari.

## **Penamaan Calon**

7. (1) Pelajar berdaftar yang telah melengkapkan **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon** hendaklah menghantar borang tersebut dan melengkapkan **Borang 02 - Borang Penamaan Calon** pada Hari Penamaan Calon pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus. Calon perlu membawa pencadang dan penyokong pencadangan calon pada hari tersebut.

(2) Calon hendaklah membuat bayaran wang cagaran sebanyak RM100.00 secara atas talian melalui pindahan elektronik (Billplz) kepada Pejabat Bendahari. Wang cagaran sebanyak RM100.00 tersebut akan dikembalikan kepada calon jika:

- (a) calon menarik balik pencalonannya sebelum pengumuman akhir calon yang layak bertanding diumumkan;
- (b) calon meninggal dunia sebelum proses pengundian bermula;
- (c) calon tidak melanggar mana-mana peraturan sepanjang proses Pilihan Raya Kampus berjalan.

(3) Calon hendaklah mengisi dengan lengkap **Borang 08 - Borang Bayaran Balik** bagi bayaran balik wang cagaran.

(4) Wang cagaran yang tidak dituntut dalam masa lima (5) hari waktu bekerja selepas keputusan Pilihan Raya Kampus diumumkan dan/atau dilucutkan hak akibat pelanggaran mana-mana Peraturan Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Terengganu 2024 serta Tatacara Pilihan Raya Kampus 2025/2026 tidak akan dikembalikan dan akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Namun demikian, pihak Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT hendaklah memaklumkan kepada calon yang terlibat berkenaan alasan pelucutan hak wang cagaran tersebut.

(5) Calon hendaklah menyediakan dua (2) keping gambar berukuran passport dengan latar belakang berwarna biru atau putih mengikut format yang telah ditetapkan semasa melengkapkan Borang Penamaan Calon.

(6) Borang Penamaan Calon bagi calon kawasan Fakulti yang telah lengkap diisi akan disemak oleh Urusetia Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus (JPPRK) UMT yang bertugas pada Hari Penamaan Calon. Setelah disemak, Borang Penamaan Calon akan disahkan oleh Pegawai Pengurus Fakulti untuk pengesahan akhir. Hanya calon yang disahkan oleh Pegawai Pengurus Fakulti sahaja yang layak bertanding.

(7) Borang Penamaan Calon bagi calon kawasan Umum yang telah lengkap diisi akan disemak oleh Urusetia Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus (JPRK) UMT yang bertugas pada Hari Penamaan Calon. Setelah disemak, Borang Penamaan Calon akan disahkan oleh Pegawai Pengurus Umum untuk pengesahan akhir. Hanya calon yang disahkan oleh Pegawai Pengurus Umum sahaja yang layak bertanding.

(8) Borang penamaan boleh ditolak oleh Pegawai Pengurus jika;

(a) Calon tidak mematuhi tatacara dan kaedah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus UMT bagi proses penyerahan borang penamaan; dan

(b) Berdasarkan borang penamaan dan dokumen-dokumen yang berkaitan, adalah ternyata bahawa calon tidak layak bertanding dalam Pilihan Raya Kampus.

(9) Sekiranya borang penamaan ditolak berdasarkan alasan di perkara (8), Pegawai Pengurus hendaklah memaklumkan keputusan dan alasan kepada calon yang berkenaan, serta keputusan dan alasan tersebut hendaklah disimpan sebagai rekod.

(10) Pegawai Pengurus tidak boleh membuat pengesahan kepada Borang Penamaan Calon yang telah disahkan oleh pencadang calon dan penyokong pencadangan calon setelah tamat tempoh masa penamaan calon seperti yang telah ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

(11) Borang Penamaan Calon yang mengandungi maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap boleh menyebabkan pencalonan seseorang calon itu dibatalkan.

(12) Pemalsuan maklumat di dalam Borang Penamaan Calon boleh menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah- Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar- Pelajar) 2024.

## **Panduan Mengenai Cara Mengisi Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon dan Borang 02 — Borang Penamaan Calon.**

8. (1) Calon hendaklah mengisi Borang Perakuan Penamaan Calon dan Borang Penamaan Calon dengan memilih pencalonan sama ada kawasan Fakulti atau kawasan Umum. Calon hendaklah memilih kawasan bertanding dengan betul.

(2) Calon hendaklah menyatakan sama ada bertanding di bawah mana-mana gerakan mahasiswa atau bertanding secara bebas.

(3) Nama calon dalam Borang Perakuan Penamaan Calon dan Borang Penamaan Calon hendaklah sama sepertimana yang tertera di dalam kad pengenalan calon.

(4) Alamat di kampus dan alamat semasa calon hendaklah diisi dengan jelas sepertimana di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) UMT.

(5) Pencadang calon dan penyokong pencadangan calon:

- (a) Maklumat nama pencadang calon dan penyokong pencadangan calon dalam Borang Penamaan Calon hendaklah sepertimana yang disenaraikan dalam Borang Perakuan Penamaan Calon;
- (b) Maklumat pencadang calon dan penyokong pencadangan calon hendaklah dinyatakan semasa pembelian **Borang 01-Borang Perakuan Penamaan Calon**;
- (c) Sebarang penukaran terhadap pencadang calon dan penyokong pencadangan calon selepas pembelian **Borang 01-Borang Perakuan Penamaan Calon** adalah tidak dibenarkan, kecuali dalam keadaan berlaku pertembungan nama antara pencadang calon dan/atau penyokong pencadangan calon yang terlibat dengan pencalonan calon tersebut;
- (d) Bagi kawasan Fakulti, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon hendaklah daripada pelajar berdaftar Fakulti yang sama.
- (e) Bagi Kawasan Umum, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon boleh dipilih daripada mana-mana pelajar berdaftar dari mana-mana fakulti.
- (f) Calon tidak boleh menjadi pencadang calon atau penyokong pencadangan calon kepada calon yang lain; dan
- (g) Pencalonan calon akan terbatal sekiranya pencadang atau penyokong pencadangan calon menarik diri atau calon hilang kelayakan menjadi calon.

## **Penarikan Diri**

9. (1) Calon boleh menarik diri daripada menjadi calon pada bila-bila masa sebelum pengumuman akhir calon layak bertanding diumumkan oleh Pengerusi atau mana-mana Ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.

(2) Calon yang ingin menarik diri hendaklah mengisi **Borang 05 - Penarikan Diri Penamaan Calon** dan dihantar ke Pejabat Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus.

(3) Wang cagaran calon tidak akan dikembalikan sekiranya calon menarik diri selepas pengumuman akhir calon layak bertanding diumumkan.

(4) Wang cagaran yang dikenakan kepada calon akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

## **Pameran Borang Penamaan Calon**

10. (1) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus akan mempamerkan satu salinan **Borang 14 - Pameran Penamaan Calon** di telegram rasmi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus dan secara fizikal yang akan dipamerkan di papan notis rasmi Universiti sepertimana yang dinyatakan dalam Notis Pilihan Raya Kampus untuk maklumat dan penelitian oleh semua pelajar berdaftar UMT.

(2) Butiran-butiran peribadi calon seperti alamat, e-mel dan nombor telefon akan ditutup bagi tujuan keselamatan.

(3) Salinan Borang Penamaan Calon akan dipamerkan selama satu (1) jam sahaja.

## **Bantahan Terhadap Penamaan Calon**

11. (1) Mana-mana pelajar berdaftar UMT termasuk calon, pencadang dan penyokong pencadangan calon yang berhasrat untuk membantah proses pencalonan mana-mana calon dikehendaki untuk mengisi dan melengkapkan **Borang 03 — Borang Bantahan** dan membuat bayaran bantahan sebanyak RM100.00 secara dalam talian melalui pindahan elektronik (Billplz) kepada Pejabat Bendahari dalam tempoh yang ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

(2) Tempoh bantahan hanya boleh dilakukan dalam tempoh satu (1) jam sahaja.

## **Keputusan Terhadap Bantahan Penamaan Calon**

12. (1) Jawatankuasa Bantahan yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus hendaklah membuat pertimbangan dan keputusan terhadap bantahan tersebut dalam tempoh 30 minit selepas tamat tempoh masa bantahan yang telah ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

(2) Jika bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan, wang bantahan tersebut akan dipulangkan dan jika bantahan ditolak, wang tersebut tidak akan dikembalikan dan akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMT.

(3) Bagi bantahan yang diterima, pembantah boleh mengisi dengan lengkap **Borang 08 - Borang Bayaran Balik** dan menghantar borang tersebut kepada Pejabat Bendahari UMT untuk menuntut semula wang bantahan tersebut.

## **Rayuan Terhadap Bantahan Keputusan Bantahan Penamaan Calon**

13. Mana-mana pembantah yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Bantahan dan berhasrat untuk merayu terhadap keputusan tersebut dikehendaki untuk mengisi dan melengkapkan **Borang 04 — Borang Rayuan** dan membuat bayaran rayuan sebanyak RM100.00 secara dalam talian melalui pindahan elektronik (Billplz) kepada Pejabat Bendahari dalam tempoh yang ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

## **Keputusan Terhadap Rayuan**

14. (1) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus hendaklah membuat pertimbangan dan keputusan terhadap rayuan tersebut dalam tempoh 30 minit selepas tamat tempoh masa rayuan yang telah ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

(2) Jika rayuan diterima, wang rayuan tersebut akan dipulangkan dan jika rayuan ditolak, wang tersebut tidak akan dikembalikan dan akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

(3) Bagi rayuan yang diterima, perayu boleh mengisi **Borang 08 - Borang Bayaran Balik** dan menghantar borang tersebut kepada Pejabat Bendahari UMT untuk menuntut semula wang rayuan tersebut.

## **BAHAGIAN IV**

### **KERUSI TANPA BERTANDING DAN KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN**

#### **Kerusi tanpa bertanding**

15. Jika pada hari penamaan calon dalam mana-mana kawasan pengundian selepas diputuskan apa-apa bantahan dan rayuan yang mungkin dibuat dan didapati bilangan calon sah bertanding tidak melebihi bilangan kerusi yang dipertandingkan, Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus hendaklah mengisytiharkan calon tersebut menang tanpa bertanding pada hari Penamaan Calon.

#### **Kerusi yang dipertanding**

16. (1) Jika pada hari penamaan calon dalam mana-mana kawasan pengundian, selepas diputuskan apa-apa bantahan dan rayuan yang mungkin dibuat dan didapati bilangan calon sah bertanding melebihi bilangan kerusi yang dipertandingkan, Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus hendaklah mengisytiharkan bahawa suatu pengundian akan dijalankan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

(2) Senarai akhir calon yang muktamad akan dipamerkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus di papan notis rasmi Universiti dan secara dalam talian melalui saluran media sosial rasmi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

## BAHAGIAN V

### TATACARA BERKEMPEN

#### Taklimat tatacara berkempen

17. (1) Taklimat tentang tatacara berkempen Pilihan Raya Kampus (PRK) UMT. **Borang 06 – Borang Kaedah Berkempen** akan diberikan kepada calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan wakil Gerakan Mahasiswa pada waktu yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus.

(2) Maklumat, arahan atau ketetapan lain mengenai kempen jika berkenaan akan dimaklumkan atau dipaparkan dari semasa ke semasa di saluran media sosial rasmi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus. Maklumat, arahan atau ketetapan tersebut hendaklah dipatuhi dan dikira sebagai sebahagian daripada tatacara ini.

#### Kempen Secara Berhemah

18. (1) Setiap calon sepanjang masa berkempen hendaklah memastikan kempen yang dijalankan olehnya dilaksanakan secara berhemah dan tidak melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa di Universiti ataupun negara.

(2) Calon adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua pernyataan dan bahan-bahan yang digunakan dalam kempennya. Universiti tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan yang mungkin dikenakan terhadap calon oleh mana-mana pihak berkuasa akibat pernyataan atau bahan kempen yang tidak berhemah atau bertentangan dengan mana-mana peraturan dan undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa.

(3) Segala bentuk bahan kempen seperti poster/kain rentang dan sebagainya boleh dinaikkan dengan apa-apa cara di kawasan yang dibenarkan selagi mana tidak meninggalkan kesan dan merosakkan harta benda Universiti.

(4) Setiap calon dibenarkan untuk berkempen secara dalam talian dan/atau secara bersemuka menggunakan sebarang saluran media sosial yang bersesuaian dan tempat yang didaftarkan dengan Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus dalam tempoh yang dibenarkan.

(5) Presiden Gerakan Mahasiswa bertanggungjawab untuk memantau ahli gerakannya sepanjang tempoh berkempen dijalankan.

(6) Sebarang aktiviti berkempen secara perarakan konvoi berkenderaan hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang lalu lintas dan tidak menghalang dan mengganggu kelancaran lalu lintas atau membahayakan keselamatan pengguna lalu lintas dalam Kampus.

(7) Calon tidak dibenarkan menyampaikan kempen dengan mengaitkan mana-mana pihak, serangan terhadap calon lain, ceramah berunsur hasutan kecuali berkempen untuk menjelaskan visi dan misi kepinimpnannya. Calon yang melanggar peraturan ini akan dibatalkan pencalonannya.

## **Poster, Video dan Bahan Berkempen**

19. (1) Semua bahan kempen yang lain sama ada poster dan/atau e-Poster tambahan, ayat hebahan, infografik, video, banting dan apa-apa jua bentuk bahan kempen yang lain-lain hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus terlebih dahulu sebelum disebar dan dipromosikan oleh calon dan/atau Gerakan Mahasiswa.

(2) Template video calon bagi hantaran di Reels Instagram akan disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus (JPRK) UMT. Calon diwajibkan untuk menghantar video kempen yang telah disunting mengikut kreativiti masing-masing melalui e-mel rasmi JPRK. Video tersebut hendaklah berdurasi kurang daripada dua (2) minit. Setiap hantaran yang dimuat naik oleh akaun Instagram rasmi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah dikongsi semula (repost) oleh calon melalui platform media sosial masing-masing.

(3) Calon, Pencadang Calon, Penyokong Pencadangan Calon dan Gerakan Mahasiswa digalakkan untuk menghasilkan video tambahan bagi tujuan kempen di platform media sosial masing-masing yang telah didaftarkan melalui **Borang 06 – Borang Kaedah Berkempen**. Tiada had durasi ditetapkan bagi video tambahan kempen, dan calon, Pencadang Calon, Penyokong Pencadangan Calon dan Gerakan Mahasiswa dibenarkan untuk merakam serta menyunting video mengikut kreativiti masing-masing, asalkan tidak menjejaskan nama baik dan reputasi Universiti. Kandungan video juga hendaklah mematuhi garis panduan sedia ada, tidak menyentuh isu-isu sensitif berkaitan raja, agama dan kaum, serta tidak melanggar mana-mana hak intelek, khususnya hak cipta.

(4) Bagi mana-mana kempen yang diadakan secara atas talian, calon digalakkan untuk meletakkan tanda pagar yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus (JPPRK) UMT di dalam kapsyen bahan kempen digital sepertimana yang berikut:

Pilihan Raya Kampus UMT sesi 2025/2026

#PilihanRayaKampusUMT

#KebersamaanUMT

#JPRKUMT

#SuaraMahasiswaPilihanMahasiswa

(5) Semua bahan kempen yang lain sama ada poster dan/atau e-Poster tambahan, ayat hebahan, infografik, video, banting dan apa-apa jua bentuk bahan kempen yang lain-lain hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus terlebih dahulu sebelum disebar dan dipromosikan oleh calon dan/atau Gerakan Mahasiswa.

(6) Bagi calon yang bertanding secara bebas, logo akan diberikan oleh pihak Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus (JPRK) UMT dalam **tempoh penjualan borang 01-Borang Perakuan Penamaan**. Calon diwajibkan untuk menggunakan logo yang disediakan sahaja bagi tujuan kempen.

(7) Calon, Pencadang Calon, Penyokong Pencadangan Calon dan Gerakan Mahasiswa hendaklah memastikan bahawa bahan kempen yang bersesuaian mengandungi maklumat berikut:

- (a) Nama Penuh Calon
- (b) Gambar Calon
- (c) Logo Gerakan Mahasiswa/Logo Calon Bebas
- (d) Kategori Calon (Calon Umum / Calon Fakulti)

(8) Selain daripada maklumat dalam sub-tatacara 19(7) di atas, calon, Pencadang Calon, Penyokong Pencadangan Calon dan Gerakan Mahasiswa dibenarkan untuk memasukkan maklumat lain seperti berikut dalam bahan kempen:

- (a) Moto
- (b) Manifesto
- (c) Slogan
- (d) Pencapaian Peribadi
- (e) Tahun Pengajian
- (f) Fakulti

(9) Calon hendaklah menghantar bahan kempen kepada Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus;

- (a) Calon yang bertanding di bawah Gerakan Mahasiswa yang sama hendaklah:
  - (i) Mengumpulkan bahan kempen calon dalam bentuk *.zip file*;
  - (ii) Menamakan *.zip file* tersebut dengan nama Gerakan Mahasiswa; dan
  - (iii) Setiap fail yang mengandungi bahan calon dalam *.zip file* tersebut hendaklah dinamakan dengan nama penuh calon.
- (b) Calon yang bertanding secara bebas dan bukan di bawah mana-mana Gerakan Mahasiswa, calon hendaklah menghantar bahan kempen tersebut di dalam bentuk *.zip file* dan menamakannya dengan nama penuh calon.
- (c) Bahan kempen hendaklah dihantar melalui kaedah berikut:
  - (i) Salinan lembut (softcopy) bahan kempen dalam bentuk digital boleh diemelkan ke emel rasmi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus ([jprkumt@umt.edu.my](mailto:jprkumt@umt.edu.my)); dan/atau

- (ii) Salinan keras (hardcopy) bahan kempen, seperti sepanduk atau apa-apa bahan yang mengandungi tulisan tangan hendaklah diserahkan secara serahan tangan di Pejabat Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus, Aras 2, Kompleks Siswa, Universiti Malaysia Terengganu.
- (d) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus berhak menolak bahan kempen jika bahan kempen didapati tidak memenuhi syarat. Jika terdapat sebarang penolakan bahan kempen, Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus hendaklah memaklumkan kepada calon melalui e-mel dengan memberikan penjelasan sebab-sebab penolakan itu.
- (e) Salinan keras (hardcopy) bahan kempen yang telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus hendaklah dikembalikan kepada calon atau Gerakan Mahasiswa secara serahan tangan. Manakala salinan lembut (softcopy) bahan kempen yang telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus akan dikembalikan kepada calon atau Gerakan Mahasiswa melalui e-mel. Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus hendaklah mengembalikan semua bahan kempen yang telah mendapat kelulusan dengan seberapa segera dalam tempoh berkempen.

### **Tempoh Berkempen**

20. (1) Tempoh berkempen akan bermula sehari selepas berakhirnya Bengkel Pemantapan Organisasi Calon dan berakhir pada jam 11.59 malam pada hari sebelum hari pengundian sepertimana yang telah ditetapkan dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

(2) Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan Gerakan Mahasiswa tidak dibenarkan berkempen secara fizikal atau secara dalam talian di luar tempoh masa berkempen yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus (JPRK). Kegagalan untuk mematuhi arahan ini akan menyebabkan wang cagaran calon berjumlah RM100.00 dilucutkan hak serta-merta bersama notis pemberitahuan kepada calon yang terlibat. Wang cagaran tersebut akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

### **Kaedah Berkempen**

21. (1) Kempen boleh dilaksanakan secara lisan, elektronik atau bukan elektronik, tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus dengan mengisi dan melengkapkan **Borang 06 – Borang Kaedah Berkempen** dan dihantar ke Pejabat Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(2) **Borang 06 – Borang Kaedah Berkempen** perlu dihantar sehari selepas taklimat tatacara berkempen diberikan kepada calon.

(3) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus boleh mengaturkan siri kempen berjadual termasuklah kempen memperkenalkan diri calon mengikut cara yang difikirkan sesuai jika perlu.

(4) Kempen hendaklah dijalankan secara tertib, sopan dan menumpukan kepada pembangunan dan kebajikan pelajar. Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana Gerakan Mahasiswa adalah dilarang:

- (a) Mengeluarkan sangkaan-sangkaan buruk kepada calon lain;
- (b) Memburuk-burukkan calon lain di hadapan orang ramai atau di mana-mana tempat;
- (c) Menyiarkan sesuatu yang memburukkan dan menjatuhkan calon lain yang bertanding;
- (d) Menimbulkan pergaduhan fizikal dan/atau;
- (e) Mengeluarkan kata-kata kesat kepada calon lain;
- (f) Memburuk-burukkan pentadbiran Universiti, dasar Kerajaan, peribadi orang perseorangan, pertubuhan atau kumpulan;
- (g) Membangkitkan isu-isu sensitif tentang agama, bangsa dan negara;
- (h) Melakukan paksaan, ugutan atau deraan dalam apa jua bentuk sama ada secara fizikal atau mental kepada mana-mana pelajar berdaftar atau pegawai Universiti; dan/atau
- (i) Melibatkan orang luar, pelajar atau persatuan pelajar dari mana-mana institusi lain sepanjang tempoh berkempen.

(5) Semua bahan kempen sama ada secara fizikal atau secara atas talian hendaklah dipadam, diturunkan dan/atau dicabut di mana-mana kawasan Universiti oleh calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan Gerakan Mahasiswa dalam tempoh (3) hari selepas pengistiharan keputusan Pilihan Raya Kampus. Kegagalan untuk mematuhi arahan ini akan menyebabkan wang cagaran calon berjumlah RM100.00 dilucutkan hak serta-merta bersama notis pemberitahuan kepada calon yang terlibat. Wang cagaran tersebut akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

(6) Mana-mana pelajar berdaftar boleh membuat aduan terhadap calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pelajar berdaftar lain sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Tatacara ini, peraturan dan undang-undang bertulis di dalam atau luar Universiti yang sedang berkuatkuasa menggunakan **Borang 09 – Borang Aduan**.

## BAHAGIAN VI

### HARI PENGUNDIAN

#### Kaedah Pengundian

22. (1) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus telah menetapkan bahawasanya kaedah pengundian bagi Pilihan Raya Kampus adalah melalui kaedah MyUndi secara dalam talian dan pembukaan kiosk pengundian seperti proses berikut:

- (a) Skrin Maklumat Pengundi
  - (i) Pengundi perlu log masuk ke dalam portal UMTMemilih;
  - (ii) Pengundi hendaklah mengisi 'Username' dan 'Password' sama seperti portal MyNemo; dan
  - (iii) Pengundi dikehendaki menekan icon 'Log masuk' untuk meneruskan proses seterusnya.
- (b) Skrin Paparan Pengundian
  - (i) Pengundi boleh mengundi di paparan pengundian yang terdapat di portal tersebut;
  - (ii) Pengundi hendaklah mengundi selepas pengundian 'DIBUKA'.

(2) Bagi pengundian calon di kerusi umum, pelajar berdaftar yang layak mengundi hendaklah merujuk kepada skrin senarai calon umum dan mengikuti panduan berikut;

- (a) Paparan pilihan kawasan Umum akan dipaparkan pada skrin portal.
- (b) Pengundi dikehendaki memilih calon mengikut jumlah kerusi yang ditetapkan.

(3) Bagi pengundian calon di kerusi fakulti, pelajar berdaftar yang layak mengundi hendaklah merujuk kepada skrin senarai calon fakulti dan mengikuti panduan berikut;

- (a) Paparan pilihan kawasan Fakulti akan dipaparkan pada skrin portal.
- (b) Pengundi dikehendaki memilih calon mengikut jumlah kerusi yang ditetapkan.

- (4) Setelah selesai proses pengundian;
- (a) Pengundi perlu menekan butang 'Hantar Undi' untuk menyelesaikan proses pengundian; dan
  - (b) Pengundi yang tidak dapat melengkapkan undian kawasan Umum dan kawasan Fakulti tidak dapat menyelesaikan proses pengundian.

## BAHAGIAN VII

### PENJUMLAHAN UNDI

#### Keputusan Pengundian

23. (1) Ketua Pusat Mengundi yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus hendaklah mengumumkan waktu mula mengundi melalui **Borang 10– Pengesahan UTMemilih Dibuka** dan waktu tamat mengundi melalui **Borang 11– Pengesahan UTMemilih Ditutup** mengikut waktu yang dinyatakan di dalam Notis Pilihan Raya Kampus.

(2) Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah menyemak dan mengesahkan jumlah undi yang diperoleh di Pusat Pengundiannya dalam sistem UTMemilih menggunakan **Borang 12 – Borang Penjumlahan Undi**.

(3) Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah menghantar maklumat jumlah undi yang diperoleh dalam sistem UTMemilih kepada Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus untuk semakan seperti berikut:

- (a) Keputusan Undian Kerusi Umum Mengikut Susunan;
  - (b) Keputusan Undian Kerusi Umum Mengikut Susunan Undi Tertinggi;
  - (c) Keputusan Undian Kerusi Fakulti Mengikut Susunan Setiap Fakulti;
  - (d) Keputusan Undian Kerusi Fakulti Mengikut Undi Tertinggi Setiap Fakulti;
  - (e) Bilangan Pelajar Berdaftar Keluar Mengundi Mengikut Fakulti dan Keseluruhan; dan
  - (f) Bilangan Undi Rosak.
- (4) Setelah semakan dibuat ke atas semua laporan seperti dinyatakan di dalam perenggan 23 tatacara ini, Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah mengesahkan laporan tersebut.

(5) Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah mencetak dan menandatangani keputusan penjumlahan undi dan menyerahkannya kepada Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus menggunakan **Borang 13– Borang Pengumuman Keputusan**.

(6) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah menandatangani keputusan penjumlahan undi yang telah dicetak dan ditandatangani oleh Ketua Pusat Penjumlahan Undi dan menyerahkannya kepada Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.

(7) Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus akan mengumumkan keputusan penjumlahan undi tersebut.

(8) Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah memaparkan keputusan penjumlahan undi selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi disampaikan oleh Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.

## BAHAGIAN VIII

### AM

#### Borang-borang

24. Borang-borang yang dinyatakan di dalam Tatacara ini hendaklah digunakan dan ianya menjadi sebahagian daripada Tatacara ini.

#### Tindakan tatatertib

25. (1) Calon, pencadang, penyokong pencadangan calon, pelajar berdaftar Universiti, dan mana- mana pegawai Universiti yang bertindak atau berkelakuan yang bersalahan dengan mana- mana peraturan dan undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2024 dan/atau Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000.

**Tarikh Tatacara Dikeluarkan : 24 September 2025**

**Dikeluarkan oleh :**



JOSEPH ANJA SU  
Pengerusi  
Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus  
Universiti Malaysia Terengganu  
Sesi 2025/2026